



14 Julai 2015
14 July 2015
P.U. (A) 166

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) (NO. 2) 2015

ROAD TRAFFIC (PROHIBITION ON DRIVING OF GOODS VEHICLES) (NO. 2) RULES 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN
(LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) (NO. 2) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 88(1)(c) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri, setelah berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan) (No. 2) 2015**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2015.

Larangan

2. (1) Pemanduan mana-mana jenis kenderaan barangan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama di mana-mana bahagian mana-mana jalan dilarang pada 15, 16, 24 dan 25 Julai 2015 pada masa yang dinyatakan dalam ruang (2).

(2) Larangan dalam subkaedah (1) tidak terpakai bagi jenis kenderaan barangan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Walau apa pun larangan dalam subkaedah (1), Menteri boleh mengecualikan mana-mana jenis kenderaan barangan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama daripada larangan itu tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan olehnya.

JADUAL PERTAMA
[Subkaedah 2(1)]

(1)	(2)
<i>Jenis Kenderaan Barangan</i>	<i>Masa Larangan</i>
(a) Lori pengangkut rendah, lori balak, lori pembancuh simen, lori jongket dan lori mengangkut simen, besi, keluli, batu, pasir, tanah dan bahan binaan yang lain	sepanjang masa
(b) Jentera berat beroda, traktor dan trak tunda	sepanjang masa
(c) Lori mengangkut amang, bijih timah, arang batu dan bahan galian yang lain	sepanjang masa
(d) Lori pengangkut yang mengangkut kenderaan motor yang berat dengan muatannya melebihi 5,000 kg	sepanjang masa
(e) Lori kontena atau kargo yang mengangkut barangan elektronik atau elektrik	dari 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi
(f) Kren bergerak	dari 6.00 petang hingga 6.00 pagi di dalam kawasan Lembah Klang, Johor Bahru, Ipoh dan Kuantan (25 km dari tapak pembinaan) tertakluk kepada had masa operasi yang dibenarkan di jalan tertentu